

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN** : **LISAN**
- DARIPADA** : **DATUK RAIME BIN UNGGI**
- TARIKH** : **3 APRIL 2014 (KHAMIS)**
- SOALAN** : **Datuk Raime bin Unggi [Tenom] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan bahawa Agrobank mempunyai unit pembangunan usahawan. Sehingga kini, sudah berapa ramaikah usahawan yang telah berjaya dibimbing oleh Agrobank dan adakah mereka mempunyai keistimewaan untuk mendapat pembiayaan Agrobank**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sejak unit pembangunan usahawan ditubuhkan pada tahun 2007, seramai 11,839 orang usahawan telah dibimbing oleh Agrobank melalui 296 siri kursus dan seminar pembangunan usahawan. Usahawan-usahawan ini di pantau dan diberikan bimbingan dari semasa ke semasa. Manakala bagi usahawan bimbingan Agrobank yang berkemahiran, mempunyai projek yang berdaya saing dan berkelayakan menerima pembiayaan, pihak Agrobank akan menawarkan kemudahan pembiayaan yang bersesuaian. Pada tahun 2013 sahaja, pihak Agrobank telah menganjurkan 15 siri kursus yang dihadiri seramai 334 orang usahawan dengan jumlah pembiayaan yang telah diluluskan sebanyak RM4.508 juta. Bagi tahun 2014 pula, Agrobank akan menjalankan 20 siri kursus dengan sasaran untuk membangunkan seramai 400 orang usahawan di seluruh Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD
HARUN NARRASHID [KOTA TINGGI]**

TARIKH : 3 APRIL 2014

RUJUKAN : 6593

SOALAN:

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [Kota Tinggi] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik jumlah pelancong asing yang masuk ke dalam negara secara sah dan apakah status mereka jika rekod keluar gagal dikesan oleh pihak imigresen. Apakah statistik jenayah yang telah dilakukan oleh pelancong asing bermula dari tahun 2008 hingga 2013.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Statistik kemasukan warga asing ke Malaysia adalah seramai 36,212,668 orang pada tahun 2010, seramai 63,978,081 orang pada tahun 2011, seramai 106,186,566 orang pada tahun 2012 dan seramai 26,327,092 pada tahun 2013.

Setiap kemasukan warga asing ke negara ini akan direkodkan maklumat-maklumat yang terdapat pada dokumen perjalanan serta data biometrik (cap jari) untuk tujuan semakan dengan pangkalan data senarai syak (*Suspect List – SL*). Sekiranya seseorang warga asing tersebut didapati tidak mempunyai rekod keluar dan disahkan melanggar Akta dan Peraturan-Peraturan Imigresen berkaitan, maka tindakan diambil untuk menyenaraikan individu tersebut dalam Senarai Syak. Pesalah imigresen dapat dikenalpasti apabila individu tersebut berhasrat untuk meninggalkan negara. Senarai Syak tersebut juga akan mengakibatkan individu tersebut untuk tidak dibenarkan memasuki Malaysia pada masa akan datang.

Statistik jenayah melibatkan seramai 550 orang warga asing untuk tahun 2011 dan seramai 433 orang warga asing 2012.